NUS National University of Singapore

Source: *Berita Harian,* p4
Date: 22 August 2016

Keusahawanan terus digalak demi bantu masyarakat makmur dan wujudkan pekerjaan

SINGAPURA harus terus menggalak keusahawanan yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan pekerjaan dan kemakmuran.

Menekankan demikian, Perdana Menteri Lee Hsien Loong berkata usahawan memainkan peranan penting dalam masyarakat.

"Usahawan berani mencuba sesuatu yang baru dan meneroka sesuatu. Ia memerlukan satu pemikiran yang berlainan. Usahawan mempunyai dan perlu pemikiran itu. Kita perlukan orang sebegitu dalam masyarakat kita.

"Mereka memainkan peranan penting bukan sahaja mereka melakukannya untuk perniagaan mereka sendiri dan mewujudkan pekerjaan dan kemakmuran, tetapi juga mereka mempunyai daya ikhtiar (*resourcefulness*) dan optimistik, mereka memberikan masyarakat keyakinan bahawa apa sahaja boleh dilakukan. Apa yang anda lakukan, saya akan lakukannya dengan lebih baik. Kita perlukan pemikiran itu di Singapura," tegas PM Lee.

Sikap usahawan yang enggan mengaku kalah di sebalik kegagalan juga harus dicontohi.

"Kita boleh gagal dan gagal lagi tetapi jika kita enggan mengaku kalah dan teruskan usaha, satu hari kita akan berjaya," ujarnya.

Sekolah-sekolah di Singapura juga telah memberikan para pelajar Singapura pendedahan memulakan perniagaan baru di bandar utama di dunia.

Universiti Nasional Singapura (NUS), contohnya, mempunyai kolej luar negara di bandar seperti Lembah Silikon, Shanghai dan Beijing di China; Munich di Jerman, Luasanne di Switzerland, Stockholm di Sweden dan Israel.

Para pelajar menghadiri kelas di universiti utama seperti Universiti Stanford, serta Fudan dan Tsinghua di China. Mereka juga berinteraksi dengan para pengasas firma baru dan pelabur, serta mempunyai peluang bekerja sambil belajar di firma baru di sana.

"Apabila didedahkan dengan sekitaran keusahawanan di sana, para pelajar itu terpengaruh dengan semangat keusahawanan dan memulakan perniagaan sendiri bagi mengubah dunia," ujarnya.

Firma baru itu, kata PM Lee, sedang tumbuh dengan pantas dan menarik perhatian para pelabur.

Tambah PM Lee lagi, para penyedia modal dan syarikat teknologi besar seperti Google, Paypal dan Facebook telah membentuk syarikat di Singapura.

"Mereka melihat bakat yang berpotensi dan firma baru yang menarik. Mungkin Google, Facebook atau Alibaba yang akan datang akan diwujudkan dari Singapura!" ujar PM Lee.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.